



TITAH DIRAJA

**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG**

SEMPENA

**MESYUARAT MAJLIS UGAMA ISLAM DAN ADAT RESAM MELAYU PAHANG
KALI KE-176**

PADA

**23 APRIL 2019 [SELASA]
BERSAMAAN 17 SYAABAN 1440 HIJRAH**

BERTEMPAT DI

HOTEL ISTANA, KUALA LUMPUR

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

الحمد لله رب العالمين والصلاة والسلام
على اشرف الانبياء والمرسلين
وعلى اله وصحبه اجمعين
رب اشرح لي صدري ويسر لي امري
والحلل عقدة من لساني يفقهوا قولي

ALHAMDULILLAH, BERSYUKUR SAYA KE HADRAT ALLAH SUBHANAHU WATAALA DI ATAS LIMPAH KURNIA DAN IZINNYA DAPAT KITA MENGADAKAN MESYUARAT MAJLIS UGAMA ISLAM DAN ADAT RESAM MELAYU PAHANG KALI YANG KE-176.

SELAWAT DAN SALAM KE ATAS JUNJUNGAN BESAR NABI MUHAMMAD SALLALLAHU ALAIHI WASSALAM DAN JUGA KE ATAS KELUARGA DAN PARA SAHABAT BAGINDA.

SAYA MENZAHIRKAN UCAPAN TERIMA KASIH DI ATAS KEHADIRAN AHLI-AHLI MESYUARAT MAJLIS UGAMA ISLAM DAN ADAT RESAM MELAYU PAHANG. SEMOGA MESYUARAT PADA KALI INI DAPAT BERJALAN LANCAR DENGAN PANDANGAN YANG BERNAS DARIPADA AHLI-AHLI MESYUARAT SEKALIAN.

TERLEBIH DAHULU, SAYA INGIN MERAKAMKAN TAHNIAH KEPADA YANG AMAT MULIA TENGKU PUTERI SERI LELA WANGSA PAHANG; TENGKU TAN SRI HAJAH MERIAM BINTI SULTAN HAJI AHMAD SHAH AL-MUSTA'IN BILLAH; YANG TELAH DILANTIK SEBAGAI YANG DIPERTUA MAJLIS UGAMA ISLAM DAN ADAT RESAM MELAYU PAHANG.

UCAPAN TAHNIAH JUGA KEPADA YANG AMAT MULIA MEJAR TENGKU AMIR NASSER IBRAHIM SHAH IBNI AL-SULTAN ABDULLAH RI'AYATUDDIN AL-MUSTAFA BILLAH SHAH; DIATAS PELANTIKAN SEBAGAI AHLI MAJLIS.

AHLI-AHLI MESYUARAT YANG DIRAHMATI ALLAH SEKALIAN.

TADBIR URUS SERTA HALA TUJU MAJLIS UGAMA ISLAM DAN ADAT RESAM MELAYU PAHANG MASIH LAGI DALAM PEMANTAUAN SAYA SELAKU KETUA AGAMA NEGERI INI. SEBAGAI SEBUAH INSTITUSI PENGURUSAN HAL EHWAL UGAMA ISLAM; MAJLIS MEMAINKAN PERANAN YANG AMAT PENTING DALAM MEMPERKASA UMMAH.

AGENDA PEMERKASAAN UMMAH BOLEH DILAKSANA MENERUSI PENGURUSAN SOSIO-EKONOMI YANG MAMPAN; PROGRAM DAKWAH; PEMBUDAYAAN ILMU; MEMARTABAT ADAT RESAM MELAYU; DAN PELAKSANAAN UNDANG-UNDANG ISLAM BERLANDAS KEPADA KETETAPAN YANG DISYARIATKAN.

SELAIN ITU, PENGURUSAN KUTIPAN DAN AGIHAN ZAKAT YANG DITADBIR URUS DENGAN BAIK AKAN TURUT MEMBERI KESAN YANG POSITIF KEPADA UMAT ISLAM DALAM MEMBANGUN EKONOMI UMMAH.

SEHUBUNGAN ITU, SETIAP PROGRAM SERTA AKTIVITI MAJLIS HENDAKLAH DIRANGKA DENGAN TELITI; SERTA DI TADBIR URUS DENGAN CEKAP DAN PENUH INTEGRITI.

SEMUA AKTIVITI PERNIAGAAN YANG DIJALANKAN OLEH MAJLIS, HENDAKLAH DIKENDALIKAN DENGAN SEBAIK MUNGKIN. SAYA MEMINTA SUPAYA PENGURUSAN DI SYARIKAT-SYARIKAT MAJLIS AKAN DAPAT MELAKUKAN USAHA-USAHA UNTUK MENINGKATKAN KEUNTUNGAN SUPAYA SETIAP PELABURAN AKAN MENDAPAT HASILNYA; DAN DAPAT PULA DIPULANGKAN KEMBALI KEPADA ASNAF-ASNAF ATAUPUN UMAT ISLAM YANG MEMERLUKAN BANTUAN.

PROGRAM-PROGRAM PEMBANGUNAN ASNAF HENDAKLAH TERTUMPU KEPADA USAHA MEMPERKASAKAN GOLONGAN ASNAF AGAR MEREKA DAPAT KELUAR DARIPADA KEADAAN HIDUP YANG MISKIN DAN SETERUSNYA BOLEH PULA MEMBANTU ORANG LAIN DENGAN CARA MENGELUARKAN ZAKAT.

BAGI ASNAF-ASNAF YANG MELIBATKAN DIRI DALAM PERNIAGAAN; MAJLIS HENDAKLAH MEMBERI PELUANG KEPADA MEREKA UNTUK MENJUAL BARANGAN ATAU PRODUK YANG DIUSAHAKAN KE PASARAYA DARUL MAKMUR YANG TERDAPAT DI BEBERAPA DAERAH DI NEGERI PAHANG. KEWUJUDAN PASARAYA INI AKAN DAPAT MEMBANTU ASNAF-ASNAF SERTA PENIAGA-PENIAGA INDUSTRI KECIL DAN SEDERHANA DALAM MELUASKAN PASARAN PRODUK MEREKA.

BAGI PROGRAM PEMBANGUNAN ANAK-ANAK ASNAF PULA; PIHAK MAJLIS HENDAKLAH MELEBARKAN LAGI USAHA-USAHA SEPERTI MENGADAKAN PROGRAM JAMINAN KERJAYA SUPAYA ANAK-ANAK ASNAF INI AKAN DAPAT TERUS BEKERJA SELEPAS TAMAT PEMBELAJARAN KELAK.

AHLI-AHLI MESYUARAT SEKALIAN.

TIDAK BERAPA LAMA LAGI UMAT ISLAM AKAN MENYAMBUT BULAN RAMADAN. SAYA JUGA PERCAYA PIHAK MAJLIS TELAH MEMBUAT PERSEDIAAN YANG RAPI BAGI MENGHADAPI BULAN RAMADAN YANG AKAN MENJELANG.

SAYA MAHU AGAR MAJLIS BERBUKA PUASA SERTA PENYAMPAIAN BANTUAN ZAKAT KEPADA GOLONGAN YANG MEMERLUKAN; HENDAKLAH DITERUSKAN SEPERTI TAHUN-TAHUN SEBELUM INI. DENGAN BANTUAN YANG DIBERIKAN INI SEDIKIT SEBANYAK AKAN DAPAT MEMBANTU MEREKA MENJALANI IBADAH PUASA DAN SETERUSNYA MENYAMBUT HARI RAYA AIDILFITRI YANG AKAN DATANG.

INSYAALLAH, SAYA DAN RAJA PERMAISURI AGONG AKAN KEMBALI KE PAHANG BAGI MELAKSANAKAN IBADAH BERPUASA SERTA BERBUKA PUASA BERSAMA RAKYAT JELATA SEPERTI PERANCANGAN BERIKUT:

- A. KHAMIS, 30 MEI – DI KUANTAN.
- B. JUMAAT, 31 MEI – SOLAT JUMAAT DAN MEMBAYAR ZAKAT DI KUANTAN; SETERUSNYA BERBUKA PUASA DI MARAN.
- C. SABTU, 1 JUN DI TEMERLOH.
- D. AHAD, 2 JUN DI RAUB.

AHLI-AHLI MESYUARAT YANG DIRAHMATI ALLAH SEKALIAN.

SEBELUM SAYA MENGAKHIRI TITAH; SAYA INGIN MENGUCAPKAN TAHINAH DI ATAS PENGIKTIRAFAN PAHANG MEDICAL CENTRE YANG MENDAPAT TEMPAT PERTAMA SEBAGAI PREMIS MESRA OKU (ORANG KELAINAN UPAYA) SEMPENA PROGRAM AUDIT AKSES ANJURAN JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT NEGERI PAHANG BARU-BARU INI.

MARILAH KITA BEKERJASAMA BAGI MEMASTIKAN PENGURUSAN MAJLIS UGAMA ISLAM DAN ADAT RESAM MELAYU PAHANG BERJALAN DENGAN LANCAR DALAM MENCAPAI VISINYA “MENJADI INSTITUSI PENGURUSAN HAL EHWAL ISLAM YANG CEKAP DAN TERUNGGUL”.

MENGAKHIRI TITAH; SAYA INGIN MENGUCAPKAN SELAMAT MENJALANI IBADAH PUASA KEPADA SEMUA AHLI-AHLI DAN PEGAWAI MAJLIS; SERTA KEPADA SELURUH UMAT ISLAM DI NEGERI PAHANG.

SEKIAN.

وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته